

SMK Pekan II sekolah angkat ketiga MPP UMS

UB 08-05-2012 B5

KOTA BELUD: Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pekan II, di sini menjadi sekolah angkat ketika Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah (MPP UMS).

Pemilihan sekolah itu adalah selepas SMK Takis, Papar dan SMK Sindumin, Sipitang.

Usaha terbabit seiring matlamat universiti itu untuk 'memasyarakatkan mahasiswa, memahasiswa kan masyarakat',

Penyerahan itu dibuat dalam program motivasi anjuran MPP UMS dan Gerakan Aspirasi Mahasiswa (Aspirasi) demham kerjasama Hal Ehwal pelajar dan Alumni (HEPA) UMS dan Unit

Bimbingan dan Kaunseling SMK Pekan II.

Perasmian penutupan pula disempurnakan oleh Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haji Musbah Jamli.

Musbah dalam ucapannya menyarankan agar sekolah dapat meningkatkan kecemerlangan dalam akademik dan kokurikulum.

"Ibu bapa dan pendidik serta anak didik perlu menggendakan usaha mereka untuk memastikan kejayaan dapat direalisasikan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata program seperti itu memberi peluang



KHALIL

kepada mahasiswa untuk menggalakkan pelajar luar bandar berusaha lebih gigih.

Musbah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tempasuk menambah, kerajaan sentiasa memberi perhatian khusus terhadap bidang pendidikan.

"Saya berharap melalui pelbagai bantuan, intensif



MUSBAH ketika tiba di program itu.

dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan akan dapat memberi impak positif kepada pendidikan di negeri ini," katanya.

Dalam majlis itu, Musbah turut menyaksikan majlis menandatangani sijil penyerahan sekolah angkat MPP UMS antara Timbalan Naib Canselor (HEPA) UMS, Prof Madya Datuk Dr Hj Kasim Hj Md Mansur dan Pengetua SMK Pekan II Kota Belud, Matlan Hj Datu Unjong.

Kasim berkata, UMS sentiasa menggalakkan mahasiswa untuk mendekati diri dengan masyarakat luar melalui pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan.

"Pihak universiti sentiasa menyokong program-program yang ingin dilaksanakan oleh para mahasiswa bagi menyumbang kepada masyarakat," katanya.

Bagi Matlan, program seperti ini memberi

peluang kepada sekolah terbabit untuk meningkatkan lagi mutu dan kualiti akademik di



KHALIL (duakiri) menyampaikan cendera kenangan kepada Musbah.



SESI tazkirah oleh peserta.



PELAJAR bersalaman dengan para fasilitator yang terdiri daripada ahli dan sekretariat MPP serta mahasiswa UMS.

sekolah ini. Katanya, legasi kecemerlangan sekolah

oleh ahli dan sekretariat MPP serta mahasiswa UMS.

"Program ini adalah sumbangan dalam konteks khidmat sosial mahasiswa UMS kepada masyarakat dalam mewujudkan legasi kecemerlangan akademik melibatkan ibu bapa dan pelajar itu sendiri," katanya.

Timbalan Pengerusi Majlis Jemaah Yang Dipertua/Presiden MPP IPT Malaysia ini juga berkata banyak faedah yang diperolehi mahasiswa daripada program itu.

"Berbanding terperap di dunia kampus atau taksub dengan politik kepartian, lebih baik melibatkan diri dalam aktiviti seperti ini," katanya.

Khalil turut menyelar tindakan segelintir mahasiswa yang dikenali sebagai Pro-Mahasiswa yang terlalu taksub kepada politik kepartian sehingga diperkotak-katikkan oleh sesetengah parti-parti politik.

Justeru, beliau berharap masyarakat dapat mengubah persepsi negatif terhadap mahasiswa dan seterusnya melihat sumbangan sebenar mahasiswa.

"Kita mahu masyarakat melihat sumbangan mahasiswa UMS kepada masyarakat khususnya di negeri Sabah ini yang sangat dahagakan kesedaran pendidikan," katanya.

perlu diteruskan memandangkan sekolah terbabit mampu melahirkan para pelajar yang cemerlang.

Tahun lalu, sekolah itu melahirkan pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperolehi 12A.

Sementara itu, Presiden MPP UMS, Khalil Sabu berkata, program ini dikendalikan sepenuhnya



AHLI dan sekretariat MPP serta mahasiswa UMS merakam gambar kenangan bersama Kasim (duduk, tiga kiri) dan Khalil (duduk, tiga kanan).



PESERTA dan fasilitator bergambar bersama tetamu kehormat.



PARA peserta program motivasi merakam gambar kenangan bersama.